

# HARI KELUARGA DAN ANNUAL DINNER NO 22 SKUADRON

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4143-hari-keluarga-dan-annual-dinner-no-22-skuadron](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4143-hari-keluarga-dan-annual-dinner-no-22-skuadron)

SUBANG, 17 Nov 18 – No 22 Skuadron telah menganjurkan Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam buat julung kalinya pada hari yang sama. Pegawai Memerintah No 22 Skn, Lt Kol Baharin bin Mohamad TUDM telah menyatakan rasa bangga dengan komitmen dari warga Skuadron yang bertungkus lumus dan bekerja keras bagi memastikan aktiviti ini berjalan dengan lancar. Beliau berterima kasih kepada semua keluarga yang hadir yang sanggup meluangkan masa bagi menjalankan aktiviti anjuran Skuadron ini.

Majlis ini turut menyambut Ulangtahun Skuadron yang ke-4 serta majlis perpisahan bagi anggota yang akan bertukar keluar dan menamatkan perkhidmatan. Pada waktu yang sama pihak Skuadron telah membuat kejutan kepada Pegawai Memerintah bersempena ulangtahun kelahiran beliau pada hari tersebut.



